

Headline	Pelbagai inisiatif, hala tuju baharu		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	29 Nov 2019	Circulation	82,252
Section	Nasional	Readership	246,756
Page No	6	ArticleSize	434 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 14,426
Journalist	Mohd Fahmi Mohd Yusof	PR Value	RM 43,279
Frequency	Daily		



Dasar Agromakanan Negara 2.0

Pelbagai inisiatif, hala tuju baharu

Percepat proses pemodenan sektor agro makanan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru: Dasar Agromakanan Negara 2.0(DAN 2.0) dijangka dapat menstruktur semula strategi mempercepat proses pemodenan, selain mengurus perminatan dan penawaran bekalan makanan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan akan terus memberi tumpuan dalam kerangka strategi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan penyediaan DAN 2.0 bagi tempoh 2021 hingga 2030.

Katanya, DAN 2.0 yang bakal dilancarkan pada 2021, akan meneruskan objektif dasar agro makanan sedia ada bagi menjamin keselamatan makanan dan meningkatkan sumbangan kepada pendapatan golongan sasar dan ekonomi negara.

"DAN 2.0 akan melaksanakan pelbagai inisiatif dan hala tuju baharu dalam tempoh 10 tahun seperti membangunkan input pertanian dalam semua subsektor agro makanan, menjadikan negara

sebagai pengeluar utama buah tropika pada peringkat dunia dan memantapkan perkhidmatan pembangunan seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

"DAN 2.0 juga akan menambah baik aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan kembanggaardahan baharu yang tahan perubahan iklim dan mampu mengeluarkan hasil yang tinggi.

"Selain daripada memperkuatkukan sistem kawalan, pemantauan dan pengawasan (MCS) dalam subsektor perikanan, penekanan khusus turut diberikan dalam subsektor industri atas tanah dan keusahawanan agro seperti agro-kulinari dan agro-pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

DAN 2.0 yang bakal dilancarkan pada 2021, akan meneruskan objektif dasar agro makanan sedia ada bagi menjamin keselamatan makanan.

**Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri**

berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 (HPPNK 2019) di Angsana Mall di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Dr Sahruddin Jamal dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Dr Wan Azizah berkata, pembangunan sektor agro makanan pada masa hadapan perlu mengambil kira kemampuan sumber asli dan alami sekitar serta memastikan semua rakyat mendapat sumber makanan yang mencukupi, berkhasiat dan mampu dibeli, selaras dengan tema Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 iaitu *Leaving No One Behind*.



Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Zainal Abidin Yang Razali melawat gerai jualan pada HPPNK 2019 di Johor Bahru, semalam.
[Foto Mohd Azren Jamaludin/BH]